

BERITA

Gigih balik tabir sokong usaha SG lawan Covid-19



TEKAD CARI HURAIAN PENYAKIT BERJANGKIT: Cik Nurhidayah Mohamed Yazid bertekad meneruskan kajian ke atas pelbagai penyakit berjangkit, daripada demam denggi ke cacar monyet dan Covid-19, bagi mengetahui lebih banyak tentang daya tahan virus-virus itu terhadap rawatan sedia ada. – Foto BH oleh MOHD KHALID BABA

Cabaran yang dihadapi penolong penyelidik NCID dorongnya lanjut pelajaran bagi 'bantu cari huraian' penyakit berjangkit

HARITH MUSTAFFA
harithr@sph.com.sg

DI balik kemas kini kes Covid-19 yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (MOH) setiap hari, adalah penyelidik dan saintis penyakit berjangkit seperti Cik Nurhidayah Mohamed Yazid.

Mereka gigih bekerja menyokong operasi itu sebagai tugas tambahan, selain kerja harian mereka.

Cik Nurhidayah, penolong penyelidik berusia 28 tahun, menyertai Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID) pada 2017 selepas lulus daripada Universiti Griffith di Australia dalam sains bioperubatan.

Apabila pandemik Covid-19 melanda Singapura pada 2020, beliau dikerah membantu usaha mengenal pasti hasil Ujian Rantaian Polimerase (PCR) dengan mengeluarkan genom DNA daripada sampel jangkitan Covid-19.

Pada masa itu, pasukannya menangani bilangan sampel yang "tidak habis-habis" memandangkan jumlah jangkitan amat tinggi.

Biar pun tugasnya lebih mencair sejak Covid-19 melanda, Cik Nurhidayah berkata ia membuat beliau lebih sedar betapa pentingnya peranan beliau sebagai penyelidik.

"Setiap hari kami perlu melakukan pelbagai eksperimen bagi menyokong usaha mencari huraian bagi penyakit berjangkit," kata Cik Nurhidayah.

Tugas hariannya di NCID ialah

dalam penyelidikan daya tahan antimikrobial (AMR) dalam pelbagai jenis penyakit, seperti demam denggi, cacar monyet, influenza H1N1 dan zika.

AMR itu merujuk kepada daya tahan virus daripada kaedah rawatan atau perubahan (egen antimikrobial) menerusi mutasi yang boleh menjejaskan keberkesanan rawatan sedia ada.

Dengan virus kian berubah, cabaran pekerjaan Cik Nurhidayah juga bertambah.

"Seperti virus Covid-19, yang boleh memuat, misalnya daripada Delta kepada Omicron, virus lain juga menjalani proses sama.

"Dengan itu tugas kami seolah-olah menjejat masa setiap hari kerana sangat sukar untuk 'menangkap' virus itu pada peringkat yang sesuai bagi menjalankan kajian," jelasnya.

Covid-19 juga mendorong beliau melanjutkan pengajian dalam bidang itu ke peringkat sarjana kerana ingin membantu dunia perubatan mencari huraian bagi penyakit berjangkit – bukan Covid-19 sahaja – yang kian berkembang.

Beliau kini menyertai program pascasiswazah sambilan di Sekolah Kebersihan dan Perubatan Tropikal London

"Covid-19 telah memotivasi saya berbuat demikian kerana saya perlu mengikuti perkembangan pengetahuan berkenaan penyakit berjangkit yang ada di luar sana," kata Cik Nurhidayah.

Selain membantu dalam tugas

mengenal pasti hasil ujian PCR pada 2020, tugas hariannya termasuk menjalankan penyelidikan dalam bidang AMR.

Dengan ini, Cik Nurhidayah banyak menyumbang kepada usaha Singapura mencegah Covid-19, umpamanya dengan membantu dalam kajian penggunaan ujian pernafasan (breathalyzer) sebelum ia dilancarkan.

Kaedah ujian itu – yang boleh mengenal pasti hasil jangkitan Covid-19 dalam satu minit menerusi pernafasan – kini digunakan dalam sektor tertentu, seperti bagi pekerja Lapangan Terbang Changi dan Pusat Pemeriksaan Tuas.

Tugas Cik Nurhidayah dalam hal ini termasuk memastikan peserta kajian mematuhi protokol kebersihan, supaya tidak menjejaskan hasil ujian tersebut.

Beliau juga membantu dalam siasatan seroepidemiologi bagi jangkitan Covid-19, yang menyelidik kemunculan antibodi terhadap virus itu dalam kalangan masyarakat tempatan.

"Apabila kita melihat bilangan kes harian, itu hanya bilangan kecil berbanding sampel darah yang kami kaji kerana kami menerima lebih daripada jumlah itu setiap hari," kata Cik Nurhidayah.

"Kajian ini penting kerana ia memberitahu kami bahawa ada anggota masyarakat sudah memperoleh daya tahan daripada Covid-19.


"Ini juga akan mempengaruhi cara saintis dan pakar perubatan ingin berkongsi fakta itu kepada pihak berkepentingan," tambahnya.

Kini Cik Nurhidayah sedang sibuk juga membantu dalam kajian keberkesanan sebuah kit ujian Covid-19 baru yang menggunakan sampel air liur berbanding swab lobang hidung yang ada di pasaran sekarang.

MASJID BENCOOLEN

PERLUKAN SOKONGAN ANDA BAGI KERJA-KERJA PENINGKATAN.
AYUH, KITA SAMA-SAMA LESTARIKAN WARISAN MASYARAKAT KITA INI.

E-SHOP



SALAM RAMADHAN PACK

A community project by Masjid Bencoolen

Ayuh membantu keluarga yang kurang berkemampuan di Singapura.

Program ini akan membantu golongan kurang berkemampuan untuk mengimbangi perbelanjaan hidup mereka di bulan Ramadhan.



SETIAP LOT BERNILAI \$100

KURMA AJWA

All proceeds will be channelled to our mosque upgrading fund.

"He who eats seven ajwa dates every morning, will not be affected by poison or magic on the day he eats them."
- Sahih Al - Bukhari 5445



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi 6333 3016 atau layari e-shop kami.



AYUH SALURKAN WAKAF ANDA ATAS NAMA ORANG-ORANG YANG DISAYANGI



WAKAF AUDIO \$100/LOT



WAKAF HAWA DINGIN \$250/LOT



WAKAF RUANG SOLAT & IKTIKAF \$250/LOT



WAKAF LIF \$200



WAKAF RUANG WUDU' \$200



WAKAF PERMAIDANI \$150/LOT



WAKAF BILIK DARJAH \$200

TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN YANG TELAH DIBERIKAN. TERUSKAN SOKONGAN MURNI ANDA.

PAKEJ-PAKEJ SUMBANGAN ISTIMEWA

DAPATKAN CENDERAHATI PRODUK EKSKLUSIF MASJID BENCOOLEN DENGAN SUMBANGAN \$1,000 & KE ATAS.

PAKEJ AKHIRAH

SUMBANGAN \$1,000 & KE ATAS: SEJADAH EKSKLUSIF MB

PAKEJ SALAAM

SUMBANGAN \$2,000 & KE ATAS: SEJADAH EKSKLUSIF MB & TASBIH KOKKA

PAKEJ ALIYAH

SUMBANGAN \$3,000 & KE ATAS: 2X SEJADAH EKSKLUSIF MB & TASBIH KOKKA

PAKEJ MAQAMAH

SUMBANGAN \$4,000 & KE ATAS: 2X SEJADAH EKSKLUSIF MB & 2X TASBIH KOKKA

PAKEJ FIRDAUS

SUMBANGAN \$5,000 & KE ATAS: REPLIKA KAABAH, 2X SEJADAH EKSKLUSIF MB & 2X TASBIH KOKKA

DERMA MELALUI

KIRIMKAN CEK
Untuk MASJID BENCOOLEN hantarkan ke 51 Bencoolen St, S(189630) #01-01

DERMA DALAM TALIAN
E-NETS, VISA & MASTERCARD diterima - masjidbencoolen.org

PENGAMBILAN DARI RUMAH
Hubungi 6333 3016 untuk tempahan

PINDAHAN WANG
OCBC Current 506-010925-001
Sila emel butan & gambar resit ke masjid@bencoolen.mosque.org.sg

PAYNOW
UEN: R45M00028B



SCAN TO PAY

Kali Ke-16 Tahun @Lombok Indonesia

AL-IMTAQ International & Services

Ihsan Ramadhan & Harapan Aidil Fitri 2022 M / 1443 H

Cara Pembayaran

- Tunai dengan pegawai kami sewaktu pengambilan ke rumah
- Bank transfer / I-Banking DBS Current acct : 019-904263-9
- Cek atas nama : Al-Imtaq International & Services
- PAYNOW : UEN No. 53202179K (selepas transaksi, sila screenshot & WA admin secepat mungkin @84543782)

Pakej Ihsan Ramadhan

- ** Habuan Raya (10 orang) \$100
- ** Sahur/Iftar Ramadhan (10 orang) \$100
- ** Kambing Akiqah/Nazar/Sedekah \$200
- ** Wakaf Asrama Tahfiz/Ponpes 1 Lot \$150
- ** Wakaf Pemb. Masjid 1 Lot \$150
- ** Wakaf Perlengkapan Sholat (5 set) \$100
- ** Wakaf Al-Qur'an (7 naskah) \$100
- ** Infaq/Fidyah Beras 25kg \$60
- ** Wakaf Perigi @Cambodia \$450
- ** Khatam Al-Qur'an 1 nama \$100
- ** Tahliil Arwah 1 nama \$10
- ** Badal Haji 1 nama (Qur'an, sajadah, tasbeih, CD Muzikir Hati) \$2000

Pakej Anda Merangkumi

- Sijil penyertaan beserta gambar 2 keping
- Pengambilan ke rumah melebihi \$100 (Percuma)
- Video acara ihsan ramadhan dapat dilihat di : www.al-imtaq.com

Hubungi Kami

Encik Abu Bakar 9746 9073 Ust Husni Yusof 9675 8787
Ust Soleh 9843 0604 Via Online/WA 8454 3782

Anda juga boleh mendaftar online di : www.al-imtaq.com/?page_id=888

Bik 260 yishun st 22 #07-101 singapura 760260 Phone : +65 8454 3782

masjid.bencoolen | **masjidbencoolen.org** | **masjidbencoolen** | **MasjidBencoolenTV**

51 Bencoolen Street #01-01, Singapore 189630
Tel: 6333 3016 | Faks: 6338 2579
Emel: masjid@bencoolen.mosque.org.sg